

05 DEC 2003

Rungus-Seminar

SEMINAR MASA DEPAN MASYARAKAT RUNGUS BERLANGSUNG JANUARI INI

KOTA KINABALU, 5 Dis (Bernama) -- Satu seminar yang bakal membincangkan cabaran, halatuju dan pencapaian masyarakat Rungus akan diadakan di sini bulan depan dalam usaha menempatkan masyarakat itu dalam arus perdana pembangunan negara.

Seminar pada 3 Jan itu bakal dihadiri graduan dan profesional serta anggota masyarakat Rungus bagi menggalakkan percambahan idea ke arah mencari jalan memperbaiki kedudukan anggota masyarakat itu yang sebahagian besarnya masih dibelenggu kemiskinan.

Pengerusi penganjur seminar itu Datuk Markus Majihi berkata masyarakat Rungus yang dianggarkan berjumlah 150,000 daripada 2.5 juta penduduk Sabah, perlu memeriksa sejauh mana sumbangan dan pencapaian mereka dalam pembangunan negeri dan negara.

"Terdapat cabaran dan halangan tertentu yang perlu dianalisis sekarang kerana masih banyak ruang untuk memperbaiki sumbangan kaum ini kepada pembangunan negara pada masa hadapan," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Beliau berkata walaupun ramai di kalangan anggota masyarakat Rungus yang sudah berjaya keluar daripada belenggu kemiskinan, sebahagian besar lagi masih tergolong dalam kategori penduduk miskin dan termiskin.

Menurut Markus, kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kelapan yang dibentangkan Tun Dr Mahathir Mohamad di Parlimen pada hari terakhir beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia menunjukkan masyarakat Rungus masih merupakan antara kaum minoriti yang mencatatkan tahap kemiskinan tertinggi.

Selain kaum Rungus, masyarakat minoriti lain yang tergolong dalam kumpulan itu ialah Orang Asli di Semenanjung Malaysia, kaum Suluk dan Sungai di Sabah serta kaum Penan dan Kenyah di Sarawak.

"Sebagai seorang daripada kaum Rungus, kita rasa cemas, tercabar dan perlu menjalankan tanggungjawab untuk membantu kerajaan dan kaum ini menangani masalah kemiskinan yang ada.

"Bukanlah bererti semua orang Rungus masih miskin tetapi majoriti yang berada di kampung terpencil di utara Sabah masih miskin dan termiskin," kata Markus yang merupakan bekas Pembantu Menteri Perkhidmatan Sosial dan bekas anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Matunggong.

Seminar itu terbuka kepada sesiapa sahaja yang berminat dalam perkembangan, kemajuan dan pembangunan masa depan masyarakat Rungus.

Bahasa pengantar seminar pula ialah bahasa Malaysia, Inggeris dan Rungus yang akan digunakan oleh pembentang tiga kertas kerja yang masing-masing menyentuh mengenai aspek sosioekonomi; politik dan pentadbiran kerajaan, serta pendidikan dan kebudayaan.

Penganjur seminar akan menyusun rumusan dan keputusan dalam seminar berkenaan sebagai rujukan penting dalam menjana pembangunan kalangan masyarakat itu.

Menurut Markus, Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman akan dijemput merasmikan seminar itu.

Pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada urusetia seminar di Malaysian Seminar Services, Taman Soon Kiong, Jalan Kolam melalui telefon 088-238860, faksimili 088-234860 atau Jusni Ondilik di 019-8427919.

Mereka yang berminat juga boleh menghubungi e-mel: runguseminar@yahoo.com.

-- BERNAMA

JS ROS

